

## TANGGUNGJAWAB PESERTA SKIM MAHTAS

Peserta Skim adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Skim MAHTAS. Berikut adalah senarai tanggungjawab peserta Skim MAHTAS:

- i. Melaksanakan rawatan haba dengan mengikut prosedur yang ditetapkan terhadap komoditi atau WPM bagi membunuh perosak. Rawatan yang dijalankan perlu berkesan ke atas barang dirawat dan selamat kepada operator dan pekerja;
- ii. Memegang dan memelihara amanah yang diberi oleh Jabatan Pertanian supaya melaksanakan kerja - kerja rawatan haba dengan betul dan berkesan sekaligus menjaga kredibiliti syarikat, Jabatan Pertanian dan Negara;
- iii. Memastikan kerja rawatan haba dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang, peraturan – peraturan yang berkaitan, mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan, dan mempunyai lesen berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak Berkuasa Tempatan atau badan-badan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- iv. Menjalankan kerja rawatan haba dengan mengikut panduan di dalam ISPM No 15 dan ISPM 42, serta garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia seperti Code Agricultural Practise, Requirement For Heat Treatment Of Wood And Wood Packaging Material (WPM);
- v. Memastikan hanya operator terlatih dan kompeten sahaja boleh melaksanakan kerja - kerja rawatan haba;
- vi. Menyediakan tenaga kerja, fasiliti dan peralatan yang mencukupi. Peralatan dan fasiliti yang disediakan perlulah berfungsi dengan baik dan dikalibrasi;
- vii. Membuat permohonan pembaharuan akreditasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh;

- viii. Memberi kerjasama kepada Jabatan Pertanian semasa pengauditan atau penyiasatan sekiranya terdapat notifikasi, laporan atau keraguan berhubung dengan rawatan haba yang telah dijalankan;
- ix. Semasa pengauditan dijalankan, peserta perlu bersedia dengan dokumen dan peralatan yang lengkap serta apa - apa keperluan lain yang ditetapkan urus setia atau juruaudit yang ditugaskan untuk audit tersebut ;
- x. Membuat permohonan nombor kawalan MAHTAS sebelum menjalankan kerja rawatan haba dengan mengisi Borang Permohonan Nombor Kawalan (MAHTAS 3);
- xi. Peserta Skim MAHTAS adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan nombor kawalan yang telah diberikan secara kuota oleh urus setia kepada peserta. Peserta perlu memastikan nombor kawalan tidak disalah guna bagi mengelakkan berlaku penipuan atau penggunaan nombor kawalan secara tidak sah. Nombor kawalan perlu dipohon apabila nombor kawalan dalam simpanan peserta Skim MAHTAS berbaki 20 % daripada keseluruhan kuota;
- xii. Mematuhi penggunaan dan *marking* ISPM 15. Nombor kawalan perlu dicop diluar logo ISPM 15 *marking* bagi mengelakkan masalah kepada konsainan yang dieksport.
- xiii. Mengisi dan menghantar Borang Pemberitahuan Kerja Rawatan Haba (MAHTAS 4) kepada Pejabat Biosekuriti Tumbuhan yang berhampiran dengan lokasi rawatan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam sebelum rawatan dilaksanakan. Peserta perlu memaklumkan dengan segera jika terdapat perubahan atau pembatalan kerja-kerja rawatan haba kepada Pejabat Biosekuriti Tumbuhan tersebut dalam tempoh dua (2) jam sebelum rawatan dilaksanakan;
- xiv. Mengisi dan menghantar Laporan Bulanan Rawatan Rawatan haba (MAHTAS 6). MAHTAS 6 adalah merupakan laporan bulanan yang perlu diisi dan dihantar kepada

urus setia skim dan Pejabat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri berkenaan sebelum atau pada 15 hari bulan setiap bulan. Setiap pelaksanaan kerja - kerja rawatan haba yang dijalankan oleh syarikat mestilah direkodkan di dalam borang ini mengikut turutan nombor kawalan syarikat. Jika kerja rawatan haba telah dibatalkan maka pihak syarikat hendaklah merekodkan nombor kawalan yang dikeluarkan untuk kerja - kerja rawatan tersebut 'dibatalkan' ; dan

- xv. Mengurus dan menyimpan salinan dokumen dan rekod seperti MAHTAS 3, MAHTAS 4 dan MAHTAS 6 dalam tempoh dua (2) tahun untuk diperiksa semasa kerja - kerja pengauditan.